



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel: +603-60332020 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA
**FAMA PERKASA EKOSISTEM PEMASARAN DIGITAL AGROMAKANAN
MELALUI PLATFORM AGROBORONG.COM**

BANDAR BARU SELAYANG, 6 JULAI 2026 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) terus memperkukuh agenda transformasi digital sektor agromakanan negara menerusi penganjuran Seminar Agroborong Malaysia 2026: Sesi Libat Urus Platform Agroborong.com yang berlangsung di Ibu Pejabat FAMA.

Program ini menghimpunkan kira-kira 200 peserta terdiri daripada petani, penternak, nelayan, pengusaha agromakanan, pemborong, peruncit, pembeli institusi, agensi kerajaan, institusi kewangan dan pemain industri bagi membincangkan usaha memperkukuh ekosistem pemasaran digital negara melalui platform Agroborong.com.

Seminar ini merupakan manifestasi komitmen berterusan FAMA dalam memperkasakan sektor agromakanan melalui pendigitalan pemasaran yang lebih cekap, inklusif dan berdaya saing. Selaras dengan aspirasi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), inisiatif ini memberi tumpuan kepada pengukuhan rantai bekalan makanan negara, peningkatan akses pasaran serta penggunaan teknologi digital bagi memperluaskan peluang perniagaan kepada usahawan agromakanan.

Platform Agroborong.com diwujudkan sebagai sebuah platform perdagangan digital berkonsepkan Business-to-Business (B2B) yang menghubungkan pengeluar dengan pemborong, peruncit, pembeli institusi serta pemain industri secara terus dalam satu ekosistem pemasaran yang lebih tersusun, telus dan efisien. Platform ini bukan sahaja memudahkan urusan padanan penawaran dan permintaan, malah membantu mempercepatkan transaksi perdagangan serta memperluaskan capaian pasaran kepada usahawan tempatan.

Sehingga kini, Agroborong.com telah merekodkan seramai 4,348 pengguna berdaftar dengan hampir 1,000 pengguna aktif, terdiri daripada pengeluar dan pembeli dalam pelbagai subsektor agromakanan. Pencapaian ini membuktikan penerimaan positif industri terhadap penggunaan platform digital dalam memperkukuhkan jaringan pemasaran hasil agromakanan negara.

Selain memperkenalkan fungsi dan kelebihan Agroborong.com, seminar ini turut menjadi platform mendapatkan maklum balas daripada pemain industri bagi menambah baik sistem sedia ada supaya terus relevan dengan keperluan pasaran yang semakin dinamik. Pendekatan libat urus ini mencerminkan komitmen FAMA dalam membangunkan penyelesaian digital yang berpaksikan keperluan industri serta mampu meningkatkan kecekapan keseluruhan rantai bekalan makanan negara.

Majlis turut menyaksikan Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara FAMA dan Crop Power Sdn. Bhd. sebagai langkah strategik memperkukuhkan

kerjasama dalam pelaksanaan Malaysia Farming Award (MFA), sebuah platform pengiktirafan nasional yang memberi fokus kepada kecemerlangan petani Malaysia melalui aspek produktiviti, inovasi, penggunaan teknologi moden dan amalan pertanian baik. Kerjasama ini dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan modal insan serta budaya kecemerlangan dalam sektor agromakanan negara.

Melalui kerjasama strategik ini, FAMA dan Crop Power berganding bahu memperluaskan penggunaan teknologi digital, memperkukuhkan jaringan industri serta membuka lebih banyak peluang kolaborasi antara sektor awam dan swasta dalam mempercepat transformasi sektor agromakanan negara. Pelaksanaan Malaysia Farming Award juga diharap dapat menjadi platform pengiktirafan berprestij kepada petani yang mengamalkan teknologi moden dan inovasi dalam pengeluaran makanan.

Sepanjang seminar berlangsung, peserta turut didedahkan kepada demonstrasi penggunaan Agroborong.com, sesi libat urus bersama pemain industri serta sesi pembiayaan dan sokongan perniagaan agromakanan oleh Agrobank. Pengisian ini memberi peluang kepada peserta memahami secara langsung mekanisme penggunaan platform digital, peluang pembiayaan serta strategi memperluaskan rangkaian pemasaran hasil pertanian.

FAMA yakin penganjuran Seminar Agroborong Malaysia 2026 akan meningkatkan penggunaan Agroborong.com sebagai platform pemasaran digital nasional, memperluaskan akses pasaran kepada pengeluar tempatan, memperkukuhkan jaringan pemasaran sektor agromakanan serta meningkatkan penggunaan teknologi dan inovasi dalam kalangan usahawan tani. Pada masa sama, program ini diyakini mampu mengukuhkan imej FAMA sebagai peneraju pemasaran agromakanan negara dan menyumbang kepada pembangunan ekosistem agromakanan yang lebih berdaya saing, mampan serta berorientasikan digital.

FAMA akan terus memperluaskan penggunaan Agroborong.com sebagai platform pemasaran digital agromakanan nasional serta memperkukuhkan pangkalan data pengeluar, pemborong dan pembeli bagi menyokong pembangunan rantai bekalan makanan negara. Kerjasama strategik bersama sektor swasta dan agensi berkaitan akan terus diperkasakan bagi memastikan sektor agromakanan Malaysia kekal berdaya tahan, berinovasi dan mampu memenuhi keperluan pasaran domestik serta antarabangsa.

FAMA komited memacu transformasi pemasaran agromakanan negara melalui pendigitalan, kerjasama strategik dan inovasi demi memperkukuhkan keterjaminan makanan serta meningkatkan daya saing usahawan tempatan dari ladang ke pasaran global."

###

Disediakan oleh:

Cawangan Korporat & Advokasi FAMA

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

6 Julai 2026

